


UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

*Trajektori Keunggulan*

# INSTITUT KEUSAHAWANAN UMK

Hak Cipta UMK, 2024

Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Pusat Komunikasi Korporat, Pejabat Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Tajuk : Trajektori Keunggulan Institut Keusahawanan UMK
No. eISBN : 978-629-95323-2-3

Diterbitkan oleh:

Penerbitan Korporat UMK
Bahagian Penerbitan dan Pengurusan Laman Web
Pusat Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachok
Kelantan Darul Naim

No. Tel : 09-7797015
E-mel : bpk.pkk@umk.edu.my
Website : corporate.umk.edu.my

Disediakan oleh:

Institut Keusahawanan UMK (UMKEI)
Pejabat Naib Canselor
UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa
16100 Kota Bharu
Kelantan Darul Naim

Tel: 09-7717167
Emel: umkei@umk.edu.my
Laman Web: umkei.umk.edu.my

# KANDUNGAN

4
Peneraju Keusahawanan

6
Keunggulan Usahawanan Pelajar

14
*Program in House*

22
*2023 Ivl's Program/Competition Involvement*

27
Program & Aktiviti

49
Keunggulan Usahawan Digital

56
Keunggulan Usahawan Graduan

64
Senarai Ikon Edisi 1

75
Senarai Ikon Edisi 2

86
Roadmap Membina Usahawan Ikon

87
Ekosistem Keusahawanan UMK & DKN 2030

# PENERAJU **KEUSAHAWANAN**



**Prof. Ts. Dr. Arham Bin Abdullah**
*Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan Dan Inovasi) Universiti Malaysia Kelantan*

**Prof. Dr. Nik Maheran Binti Nik Muhammad**
*Timbalan Naib Canselor (Akademik Dan Antarabangsa) Universiti Malaysia Kelantan*

**Prof. Dato' Dr. Razli Bin Che Razak**
*Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan*

**Prof. Dr. Mohammad Bin Ismail**
*Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni) Universiti Malaysia Kelantan*



**Dr. Hana Yazmeen binti Hapiz**
*Ketua Unit Ignite Venture Lab (IVL)*

**Dr. Mohd Safwan bin Ghazali**
*Pengarah Pusat Pembangunan dan Pendidikan Keusahawanan (CEED)*

**Prof. Dr. Mohd Nor Hakimin bin Yusoff**
*Pengarah Kanan Institut Keusahawanan Universiti Malaysia Kelantan (UMKEI)*

**Prof. Madya Dr. Dzulkifli bin Mukhtar**
*Pengarah Pusat Penyelidikan Keusahawanan dan Inovasi Global (GERIC)*

**Dr. Mohd Ikhwan bin Aziz**
*Pengarah Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana (ISME)*



Puan Nur 'Izzati Binti Mohd Amin (FSE)

Puan Bazilah Raihan Binti Mat Shawal (FBI)

Ts. Izati Nabila Binti Marzuki (FTKW)

Encik Ahmad Syakir bin Junoh @ Ismail (FKP)

Encik Mohd bin Mahmud@Mansor (FIAT)

Encik Khairul Nizar Syazwan bin Wan Salihin Wong (FSDK)

Dr. Nur Fadhilah binti Kamaruzzaman (FPV)

Dr. Suchi binti Hassan (FHPK)

Dr. Nor Shahirul Umirah Binti Idris (FSB)

Dr. Sitti Fatimah Binti Mohd Ramle (FBKT)



# KEUNGGULAN USAHAWAN PELAJAR

## DUA SYARIKAT PEMULA UMK CEMERLANG DI COMPETITION FOR POTENTIALLY EXCELLENT AND TALENTED ENTREPRENEURS (COMPETE@ MOHE'22)

**Hotel Amari Johor Bharu, 18 - 20 Oktober 2022 I** Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah melaksanakan program COMPETE@ MOHE'22 yang merupakan program keusahawanan peringkat nasional Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) selama tiga hari dua malam. Dua usahawan pelajar UMK menerusi Pusat Pembangunan dan Pendidikan Keusahawanan (CEED) di bawah seliaan Institut Keusahawanan UMK (UMKEI) telah berjaya ke  sesi penjurian akhir.







Saudara Syed Muhammad Hafiz Bin Seeni Mohamed dari Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi yang mengusahakan perniagaan paste dan instant mee sotong itu dinobatkan anugerah Gold Award bagi kategori Sales Achievement Award program COMPETE@ MOHE'22 dan telah menerima hadiah wang tunai berjumlah RM5,000.00. Manakala, saudari Iffah Munirah Binti Rihdwan dari Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan yang mengusahakan perniagaan Jajan Time SuperApp (Servis Perakaunan) telah memperoleh anugerah Silver award bagi kecemerlangan sepanjang program.

## SYARIKAT PEMULA UMK MENONJOL DALAM STARTUP INTERNATIONAL LEAGUE 2022

**Princess Of Naradhiwas University (PNU) Thailand, 9 Disember 2022 |** Tiga syarikat pemula yang diasaskan oleh usahawan pelajar UMK bersama barisan mentor pensyarah iaitu Camo Outdoor, Floral Microbiome Booster dan Dry Squid Noodles telah dinobatkan sebagai pemenang Startup International League 2022. Aplikasi Camo Outdoor telah dinobat sebagai Johan bagi kategori Travel Technology. Manakala produk Floral Microbiome Booster pula telah dinobatkan sebagai Naib Johan bagi kategori Life Style. Kecemerlanagn ini diteruskan, apabila produk Dry Squid Noodles juga berjaya mendapat tempat ketiga bagi kategori Life Style.









# KHAIRUL AMING JADI SUMBER INSPIRASI USAHAWAN PELAJAR UMK, KONGSI KEJAYAAN SETAHUN JUAL SAMBAL NYET RAIH RM7.5 JUTA

**Hotel Crown Garden, Kota Bharu 7-9 November 2022 I** Penampilan khas Khairul Aming (digital content creator), pemilik Sambal Nyet Berapi yang telah mencipta fenomena di Malaysia apabila lebih daripada 1.5 juta botol sambal telah dijual, dengan jumlah jualan RM21.5 juta ringgit turut memberi inspirasi dan peluang kepada usahawan pelajar menimba ilmu secara langsung daripada beliau dalam penganjuran Program Corporate Directors Training Program (CDTP) – Trailblazer Cup 2022 . Program Flagship Pusat Pembangunan dan Pendidikan Keusahawanan (CEED), Institut Keusahawanan UMK (UMKEI) dengan kerjasama Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), dan Ignite Venture Lab (IVL) telah menyediakan platform pertandingan pitching kepada usahawan pelajar.






Saudara Mohamad Faheem Aqeel Bin Mad Fadzil dari Fakulti Industri Asas Tani yang menjalankan perniagaan FD Feedmills itu telah menjadi pemenang utama dengan menerima hadiah wang tunai berjumlah RM1,500.00, sijil dan piala iringan. Beliau yang menjalankan perniagaan makanan haiwan ternakan seperti pellet ikan yang diperbuat daripada sumber pertanian yang terbuang seperti hampas kacang soya. Perniagaan ini telah meraih keuntungan melebihi RM5000 pada tiga pada bulan pertama beroperasi. Seramai 10 orang pelajar telah menerima wang kemenangan dalam pelbagai kategori yang keseluruhan bernilai RM5000.00 sebagai dana suntikan perniagaan.









## DUA SYARIKAT PEMULA UMK CEMERLANG DI DIGITAL INNOVATION CREATIVEPRENEUR (DICE)

**Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Terengganu, 12 Januari 2023 |** Kementerian Pengajian Tinggi bersama Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dengan kerjasama Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah menganjurkan Program Digital Innovation Creativepreneur (DICE) 2022. Program peringkat Nasional ini merupakan satu program yang bertujuan untuk melatih, melahirkan dan memantau pelajar IPT yang telah menubuhkan syarikat dalam bidang inovasi dan teknologi digital berkonsepkan keusahawanan kreatif.




Dua syarikat pemula UMK yang terdiri daripada 8 orang peserta dari Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan telah mewakili UMK ke Program Digital Innovation Creativepreneur (DICE) dan mencipta kecemerlangan dalam dua kategori pertandingan. Bagi kategori video kreatif Tanpa Nama Filem Production telah memenangi anugerah naib johan dan telah menerima hadiah wang tunai berjumlah RM3,500.00 serta mendapat anugerah khas kategori dokumentari dengan hadiah wang tunai sebanyak RM1,000.00.

Manakala bagi kategori interaktif media pula, syarikat pemula VCODE telah memenangi tempat kelima dengan hadiah wang tunai berjumlah RM1,000.00 dan mendapat anugerah khas aplikasi permainan mudah alih dengan hadiah wang tunai berjumlah RM1,000.00.







## BANK RAKYAT HACKATHON 2023 - GOOGLE WORKSPACE FOR UNIPRENEUR 2.0 BERSAMA UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

**Kota Bharu, 16 Januari 2023-** Bank Rakyat dengan kerjasama Pusat Pembangunan dan Pendidikan Keusahawanan (CEED), Institut Keusahawanan UMK (UMKEI) telah menganjurkan program Unipreneur 2.0. Program ini merupakan program inisiatif kewangan sosial khusus bagi usahawan mahasiswa asnaf/B40 di universiti tempatan.









Lebih istimewa, majlis akad penyerahan zakat bagi Program Bank Rakyat Unipreneur 2.0 pada 8 Disember 2022 telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Razli Bin Che Razak, Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan disaksikan bersama En. Ghazi bin Omar, Pengurus Bank Rakyat, Cawangan Kota Bharu dengan penerimaan sejumlah RM78,000.00 peruntukan diterima dan telah disalurkan kepada 24 orang usahawan pelajar UMK secara one-off grant bagi membantu pembangunan perniagaan mereka.




## APLIKASI BOOKJE CIPTAAN USAHAWAN PELAJAR UMK JADI TARUHAN DI INNOVATION AND TECHNOLOGY CHALLENGE (INTECH21)

**University Malaya, 27 Februari 2023-** Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama Universiti Malaya (UM) sedang menganjurkan pertandingan keusahawanan peringkat kebangsaan, Innovation & Technology Challenge 2021 (InTech-21). Program ini merupakan program pertandingan cabaran keusahawanan peringkat kebangsaan yang memberi peluang kepada para peserta untuk menawarkan penyelesaian e-dagang kepada permasalahan kehidupan manusia sekaligus berupaya mencapai matlamat Sustainable



Syarikat pemula UMK telah terpilih ke peringkat akhir bagi program ini yang akan diadakan pada 27 Februari 2023. Mereka mempertaruhkan aplikasi Bookje yang menawarkan booking perkidmatan hotel, kenderaan dan F&B dalam satu talian dan dianggotai oleh pelajar dari Fakulti Sains Data dan Komputeran iaitu saudara Muhammad Fahmi bin Muhammad Hilmi, saudara Ahmad Faez bin Roslee, saudara Teah Zhi Jie dan saudara Muhamad Adam Fikri bin Kamarul Bahari.



## LAWATAN KE INKUBATOR UMK KAMPUS JELI

**21 Februari 2023**
Inkubator UMK Kampus Jeli
1) Entrepreneurship Innovation Incubator
2) Gold Rare Earth and Material Technopreneurship Centre (GREAT) - FBKT
3) Innovation Entrepreneur Incubation Center (IEIC) - IFFSA







## INFAQ IFTAR RAMADHAN BERSAMA USAHAWAN PELAJAR

**4-13 April 2023**
Program Infaq Iftar Ramadhan ini mensasarkan kepada orang ramai yang ingin menyumbang dan bersedekah kepada mahasiswa UMK serta golongan yang memerlukan sebagai tanda ingatan pada bulan Ramadhan. Sumber pek makanan yang akan diagihkan adalah melalui menu jualan usahawan pelajar Kiosk UMKEI. Program ini adalah kerjasama antara CEED dan Sekretariat Keusahawanan Mahasiswa.






# *PROGRAM IN HOUSE*
# (KOLABORASI AGENSI)

## PROGRAM CARNIVAL MEGAPRENEURSHIP AND INNOVATION C.O.M.E 1.0

**25 Januari 2023**
Slot Expert Industrial Talk 1 yang telah dibawakan oleh CEED dengan kerjasama Sekretariat Keusahawanan Mahasiswa (SKM) telah menemukan usahawan berjaya iaitu Tuan Das Abdul, Ketua Pegawai Eksekutif DAS Abdul Global Sdn Bhd bersama dengan hampir 200 orang pelajar bagi mendengar perkongsian beliau yg bertajuk "DAG pencetus inovasi Empayar Bantal".



## KELANTAN ENTREPRENEUR-SHIP BUSINESS AWARD 2023 (KBEA)

**12 Mac 2023**
Dialog usahawan KBEA 2023 telah berlangsung pada 12 Mac 2023 jam 2 – 4 petang. Dua ikon usahawan pelajar UMK juga telah terpilih untuk menerima anugerah khas sepertimana berikut:

- Nik Muhammad Hafizul Iqmal bin Nik Mohd Nazir, FAE (Reez Parfum Sdn Bhd) - Young Emerging Entrepreneur Awards
- Wan Nurul Aida Nazwa Binti Wan Ahmad, FKP (Dwans Collection) - Aspiring Entrepreneur Awards





# MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH BANK RAKYAT HACKATHON 2023

**14 Mac 2023**

Program Bank Rakyat Hackathon merupakan program yang telah dianjurkan oleh Bank Rakyat dengan kerjasama Pointstar Google Malaysia dan CEED. Program ini dianjurkan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan penggunaan Google Workspace. Seramai 21 orang peserta telah hadir ke program Google Workspace ini dan 11 orang telah terpilih. Seterusnya 3 orang pemenang telah dipilih bagi melayakkan pemenerima hadiah langganan google workspace selama satu tahun tajaan Bank Rakyat. Ketiga-tiga peserta yang terpilih sebagai pemenang adalah seperti berikut:

Muhammad Asraf bin Mat Rani – FIAT
Fatin Afiqah – FBI
Farisya Alya – FKP

Hadiah telah disampaikan oleh Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) bersempena dengan Program Bank Rakyat Tech Week.










*Sesi penyampaian hadiah kepada pemenang oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)*

## STUDENTPRENEUR BIZ APPRENTICESHIP (SPACE)

**April – Oktober 2023**
Borang Aku Janji Penerimaan Geran Program SPACE 2022 telah dikeluarkan oleh pihak KUSKOP dan dimuat naik oleh usahawan pelajar pada 6 April 2023.
Seramai 12 orang mentor telah dilantik bagi membimbing 13 peserta SPACE.
Majlis Graduasi dan Taklimat dana bersama peserta telah diadakan pada 12 April 2023 secara atas talian.

Sesi latihan dan bimbingan peserta bersama mentor sedang berlangsung selama 6 bulan bermula Mei sehingga Oktober 2023.






## DIGITAL STARTUP BOOTCAMP

**2 - 4 MEI 2023**
Program kerjasama anatara IVL dan CEED. CEED berperanan dalam pelaksanaan modul program dan penyertaan pelajar.

KPI 2,KPI 6, KPI 7





## OPEN MIC ENTREPRENEURS (OME) SESI 1

**16 MEI 2023**

Program Open Mic Entrepreneurs (OME) merupakan program bersiri yang diadakan bertujuan untuk meningkatkan keyakinan usahawan pelajar dalam pitching dan mencari bakat-bakat baru untuk penyertaan ke program-program pertandingan pitching.

KPI 2, KPI 5, KPI 6







## BENGKEL PENYEDIAAN MODUL PROGRAM BANK RAKYAT UNIPRENEUR

**31 MEI 2023**

Bengkel Penyediaan Modul bagi program Bank Rakyat Unipreneur melibatkan 10 orang mentor/ tenaga pengajar.

KPI 2, KPI 3, KPI 5,





## PROGRAM INNOVATE U

**7-9 JUN 2023**

Program karnival keusahawanan yang melibatkan ketiga-tiga fakulti di UMK Jeli iaitu Fakulti Sains Bumi, Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi, Fakulti Industri Asas Tani dan Penyelaras Keusahawanan fakulti.



## PROGRAM CAKNA USAHAWAN DESAKU (CUDE)

**8-10 JUN 2023**

Program anjuran Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan dengan kerjasama CEED bertujuan untuk memberi peluang kepada kepada pelajar menimba pengalaman pembelajaran dan meluaskan pemikiran melalui interaksi dengan komuniti/ masyarakat kampung.




## PROGRAM OPEN MIC ENTREPRENEURS (OME) SESI 2

**12 JUN 2023**

Merupakan program yang membuka peluang kepada usahawan pelajar untuk membina keyakinan dalam pitching. Seramai 5 speaker yang merupakan usahawan pelajar telah mengambil bahagian.



## MINGGU KEUSAHAWANAN FKP BERSAMA BANK RAKYAT UNIPRENEUR 3.0

**11-15 JUN 2023**

Program karnival keusahawanan yang dilaksanakan oleh Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan bersama Bank Rakyat Unipreneur 3.0. Rekod Jualan terkumpul adalah sebanyak RM 11,035.00



## MAJLIS TEMU ANWAR BERSAMA YAB PERDANA MENTERI

**18 JUN 2023**

Jumlah jualan yang dihasilkan oleh 11 produk usahawan pelajar UMK semasa Majlis Temu Anwar bersama YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim adalah sebanyak RM6,505.00.

Diharapkan dengan peluang ini dapat memberi nilai tambah serta pengalaman yang berguna kepada usahawan pelajar UMK terutamanya dalam bidang perniagaan dan keusahawanan.







## PROGRAM DROPSHIP MASTERCLASS WITH HAFIZ HIEW FASA 1

**21 JUN 2023**

Merupakan program rintis bersama Hafiz Hiew, pengasas TDC Holding Sdn Bhd. Program ini bertujuan untuk melahirkan lebih ramai usahawan pelajar melalui perniagaan berkonsepkan ejen dan dropship. 100 penyertaan terkumpul bagi Fasa 1 dan **36 peserta telah mendaftar ke Fasa 2-5.**





## PERTANDINGAN MAYBANK BUSINESS PROPOSAL CHALLENGE (BPC)

**23 JUN 2023**
CEED telah menghantar 1 kumpulan/4 orang pelajar untuk menyertai pertandingan ini dengan cadangan Produk aplikasi MyMasjid. Keputusan, saguhati: Tempat ke- 4



## PROJEK PEMBANGUNAN DAN PENGANTARABANGSAAN SYARIKAT SISWA (UMKNEXUS)

**APRIL – JUN 2023**
Sesi perbincangan bersama usahawan tamu, peserta dan mentor telah diadakan pada 13 April 2023. Peserta dengan bantuan mentor perlu mendaftar SSM syarikat di platform EzBiz dan mendaftar Trademark syarikat di platform MyIPO.
Nama syarikat yang telah didaftarkan bagi pendaftaran SSM dan Trademark syarikat ialah NEX ASIA. Lampiran rekaan logo NEX ASIA adalah seperti berikut:

NEXASIA

Pembentangan Status Pelanjutan Fasa 3.0 Projek Pembangunan Dan Pengantarabangsaan Syarikat Siswa (UMKNexus) Tahun 2023 telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Dana Keusahawanan Bagi Tabung Keusahawanan UMK (TAKUMK) Bil. 2/2023 (Kali Ke-3) pada 29 Mei 2023.

# PROGRAM PERINGKAT NASIONAL

## NATIONAL MICRO ENTERPRISE PITCHING COMPETITION (NMEPC)

**12 - 14 MEI 2023**
Program pertandingan pitching peringkat national anjuran KPT dengan kerjasama Universiti Teknikal Malaysia Melaka. 2 kumpulan dari UMK telah menyertai program ini dan satu kumpulan telah mendapat tempat ketiga manakala satu kumpulan layak sebagai finalis.

KPI 1, KP2, KP5, KPI 6,






# 2023 IVL'S PROGRAM/COMPETITION INVOLVEMENT

## Capacity Building And Empowerment Program For Client JKM



## MRANTI Supercharger Roadshow @ Terengganu




## Majlis Pelancaran National Robotics Country Report




## GO DIGITAL SERIES



## THUNDERPITCH LEAGUE 2023

**26 Februari 2023**

Ignite Venture Lab (IVL) akan menganjurkan program Thunderpitch League 2023 secara maya iaitu pertandingan pitching bagi mencari dan membentuk pelajar yang mempunyai syarikat pemula untuk berada dihadapan bagi memastikan mereka sentiasa relevan di pasaran dan memperoleh pembiayaian yang sepatutnya.

Tiga (3) pemenang Thunderpitch League 2023 yang dipilih layak menyertai The University Startup Accelerator Programme anjuran Sunway iLabs Foundry dan berpeluang untuk mendapatkan seed funding berjumlah USD250,000.




## UNIVERSITY STARTUP ACCELERATOR PROGRAMME (LAUNCHX) SESSION 1

**18 Mac 2023**

Ignite Venture Lab telah dilantik sebagai koordinator bagi penyertaan usahawan pelajar ke LaunchX – The University Startup Accelerator Programme anjuran Sunway iLabs Foundry. LaunchX merupakan sebuah inisiatif yang bertujuan untuk merapatkan jurang antara syarikat pemula pelajar dengan dunia perniagaan yang sebenar. Sebanyak 2 (dua) syarikat pemula pelajar telah dipilih sebagai peserta yang berpeluang memperoleh seed funding berjumlah USD 250,000 bagi membantu mereka mengembangkan lagi syarikat pemula masing-masing.

Program pre-seed accelerator incubation programme ini akan diadakan selama 6 (enam) bulan yang bermula dari Mac hingga Ogos 2023, akan mengubah idea usahawan pelajar menjadi idea permulaan yang berkomersial tinggi.





## DIGITAL STARTUP BOOTCAMP 2023

### 2 - 4 MEI 2023
### DIGITAL STARTUP BOOTCAMP 2023 THE SHIP CAMPUS, BATU KAWAN, PULAU PINANG

Melalui Kerjasama PKT Logistic Group Sdn. Bhd, Digital Penang, Pointstar Malaysia dan Pusat Pembangunan dan Pendidikan Keusahawanan (CEED) seramai 23 orang pelajar telah dipilih untuk mengikuti bootcamp Digital Startup.

Objektif utama program ini untuk membantu mendorong dan membangunkan potensi keusahawanan di kalangan pelajar universiti, terutamanya dalam bidang teknologi. Penganjuran program ini juga adalah selaras dengan petunjuk prestasi utama universiti dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) iaitu menambah bilangan pelajar yang terlibat dalam bidang keusahawanan berteraskan inovasi dan teknologi yang dipacu secara digital.






## LAUNCHX – PRE DEMO DAY 2023

### 10 JUN 2023
### UNIVERSITY STARTUP ACCELERATOR PROGRAMME (LAUNCHX) 2023, SUNWAY UNIVERSITY

Pada peringkat saringan kedua, Sunway iLabs Foundry telah mengumumkan bahawa Coolat D'Jeli telah terpilih bagi mengikuti sesi Pre-Demo Day secara fizikal di Sunway University.

Startup ini telah bersaing dengan secara sengit dengan 20 pasukan dari IPTA dan IPTS seluruh Malaysia untuk mendapatkan seed-funding sebanyak RM10,000.

LAUNCHX





# LAUNCH YOUR APPS 2

## 14 JUN 2023
## LAUNCH YOUR APPS 2 IGNITE VENTURE LAB

Ignite Venture Lab (IVL) melalui Institut Keusahawanan UMK (UMKEI) akan menganjurkan program Launch Your Apps 2. Program ini dianjurkan bagi mendedahkan peserta dalam pembangunan aplikasi digital yang akan mentransformasikan perniagaan mereka kepada format aplikasi atau digital. Program ini merangkumi pelbagai topik yang berkaitan Launch Your Apps seperti penjanaan idea, penyelidikan pasaran, reka bentuk dan pembangunan aplikasi. Dalam masa yang sama UMKEI sebagai pusat keusahawanan universiti, memainkan peranan yang penting dalam memupuk nilai keusahawanan yang dipacu secara digital dalam kalangan warga universiti.

Objektif utama program ini adalah untuk menyediakan peserta dengan pengetahuan, kemahiran dan sumber yang mereka perlukan untuk melancarkan aplikasi mereka sendiri.






# DESIGN THINKING TRAINING – GURU-GURU STEM PPD KOTA BHARU

## 20 JUN 2023
## TRAINING MODUL DESIGN THINKING KEPADA GURU-GURU STEM PPD KB

Ignite Venture Lab (IVL) melalui Pusat Jaringan Industri Universiti (CUIC) telah mengadakan latihan Design Thinking kepada guru-guru SMK, SMA, SKB subjek Science, Technology, Engineering dan Mathematics di seluruh Kota Bharu. Tujuan Latihan ini diadakan adalah untuk membantu guru-guru dalam menjana idea yang inovatif dan kreatif dalam penjanaan idea untuk pertandingan-pertandingan inovasi di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia. Objektif utama PPD menjemput IVL untuk melatih guru-guru ini adalah untuk memupuk semangat inovasi dan di kalangan guru-guru dan menggalakkan para guru-guru dan warga sekolah untuk menyertai pertandingan STEM yang diadakan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.






## PROGRAM UNIVERSITY TO COMMUNITY

### 20 JUN 2023
### TRAINING MODUL DESIGN THINKING KEPADA GURU-GURU STEM PPD KB

Ignite Venture Lab (IVL) melalui Pusat Jaringan Industri Universiti (CUIC) telah mengadakan latihan Design Thinking kepada guru-guru SMK, SMA, SKB subjek Science, Technology, Engineering dan Mathematics di seluruh Kota Bharu.

Tujuan Latihan ini diadakan adalah untuk membantu guru-guru dalam menjana idea yang inovatif dan kreatif dalam penjanaan idea untuk pertandingan-pertandingan inovasi di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia. Objektif utama PPD menjemput IVL untuk melatih guru-guru ini adalah untuk memupuk semangat inovasi dan di kalangan guru-guru dan menggalakkan para guru-guru dan warga sekolah untuk menyertai pertandingan STEM yang diadakan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

35900 TANJONG MALIM
PERAK DARUL RIDZUAN, MALAYSIA

PUSAT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN DAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN (EDGE)

Ruj. Kami : UPSI/HEP/PKKG/638/UTC (T)
Tarikh : 16 Jun 2023
27 Zulkaedah 1444H

**Seperti dilampiran**

YBrs. Prof. /Dr. /Tuan /Puan,

**TAKLIMAT PROGRAM *UNIVERSITY TO COMMUNITY***

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah dipilih sebagai tuan rumah untuk pelaksanaan program *University To Community* oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

3. Bagi melancarkan pelaksanaan program ini, satu taklimat khas kepada semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang terlibat akan diadakan secara atas talian seperti butiran berikut:

Tarikh : 6 Julai 2023 (Rabu)
Masa : 11.00 pagi
Capaian : https://upsi.webex.com/meet/edge

4. Sehubungan dengan itu, pihak kami mempelawa YBrs. Prof. /Dr. /Tuan /Puan selaku Pengarah Pusat Keusahawanan Pelajar dan dua orang Mentor yang akan terlibat dengan program ini dapat bersama hadir ke sesi taklimat yang akan diadakan kelak.

Segala kerjasa dan komitmen yang diberikan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"MALAYSIA MADANI"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
**"PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DR. SHARUL EFFENDY BIN JANUDIN)**
Pengarah, Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan

s.k. - Fail

SEJ/sm/UTC/taklimat

UPSI No.1 PENDIDIKAN

## PROGRAM PERAK INTERNATIONAL CONVENTION ON CREATIVE INDUSTRY (PICCI)

**8-9 JULAI 2023**

Program anjuran UITM Sri Iskandar dengan kerjasama UMKEI (CEED, ISME, IVL & GERIC). CEED membantu dalam menyediakan usahawan pelajar untuk pembukaan booth karnival keusahawanan pada program tersebut. 2 orang usahawan pelajar telah menyertai program ini dan telah memperolehi jualan sebanyak RM5,900.00

KPI 1, KPI 2








## PROGRAM OPEN MIC ENTREPRENEURS (OME)

Program Open Mic Entrepreneurs (OME) merupakan program bersiri yang diadakan bertujuan untuk meningkatkan keyakinan usahawan pelajar dalam pitching dan mencari bakat-bakat baru untuk penyertaan ke program-program pertandingan pitching.

KPI 1, KPI 2






## BOOTH USAHAWAN PELAJAR SEMPENA LAWATAN KERJA YBM KPT

**26 JULAI 2023**

Melibatkan 7 usahawan pelajar yang telah menyertai pameran dan jualan bersempena dengan lawatan kerja YBM KPT.

KPI 1, KP2, KP5, KPI 6







## MAJLIS PELANCARAN PROGRAM BANK RAKYAT UNIPRENEUR 3.0

**17 OGOS 2023**

Majlis pelancaran Bank Rakyat Unipreneur 3.0 telah diadakan bertempat di Menara Berkembar Bank Rakyat Kuala Lumpur. Seramai 4 orang peserta program ini telah menyertai pameran /jualan dan bootcamp yang telah diadakan bersempena dengan Majlis Pelancaran tersebut. Jumlah jualan peserta adalah seperti berikut:

Adda Bakes (Syuhada) – RM 247.00
Xcoffe Camp (shahrina) – RM426.00

KPI 1, KPI 2, KPI 5





# BANK RAKYAT UNIPRENEUR 3.0, MODUL 1 - 5

**1 OGOS 2023 – 5 OKTOBER 2023**

Program Bank Rakyat Unipreneur 3.0 merupakan program kerjasama antara Bank Rakyat dan CEED-UMKEI. Seramai 20 orang usahawan pelajar dalam kalangan asnaf/b40. Bank Rakyat telah memperuntukkan sebanyak RM66,000.00 dan peserta program ini akan menerima dana perniagaan sebanyak RM3,000.00 setiap seorang. Majlis akad penerimaan dana akan dilaksanakan pada 30 Oktober yang akan dihadiri oleh Pengurus Bank Rakyat Cawangan Kota Bharu. Seramai 10 orang mentor juga telah dilantik dalam memastikan perjalanan program berjalan dengan baik.

KPI 1, KPI 2, KPI 5















## TAKLIMAT PENCARIAN PESERTA PROGRAM UNIVERSITY TO COMMUNITY (UTC) 2.0

**23 OGOS 2023**

Telah diadakan taklimat pencarian peserta bagi Program University to Community (UTC) 2.0. CEED telah menerima 6 proposal dan satu sesi penilaian oleh HOC telah diadakan pada 3 September 2023 dan projek yang terpilih adalah daripada Fakulti Industri Asas Tani dengan projek Coolat D'Jeli.

KPI 1, KP2, KP5





## PROGRAM SISWAPRENEUR BUSINESS ETHICS AND COMPLIANCES

**1 - 3 SEPTEMBER 2023**

Merupakan program anjuran KPT dengan kerjasama Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bertujuan untuk memberi pemahaman dengan lebih mendalam berkenaan asas-asas pertauran peraturan yang perlu diketahui dalam membina sesebuah perniagaan. Program selama 3 hari 2 malam ini telah disertai oleh 4 orang pelajar dari Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP). Program telah diadakan di Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD), Universiti Teknologi MARA, Nilai.

KPI 1





## SME BANK SANDBOX COMPETITION 2023

**21 SEPTEMBER 2023**

1 kumpulan pelajar dari Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi telah menyertai pertandingan ini yang diselia oleh Dr. Zubaidah Aimi. Kumpulan yang terdiri dari 5 orang pelajar ini telah terpilih antara 20 finalis dalam pertandingan ini.

KPI 1




## PROJEK BUKU IKON USAHAWAN EDISI KEDUA: SEMESTER 2022/2023

**3 OKTOBER 2023**

Projek Buku Ikon Usahawan pelajar Edisi Kedua Semester 2022/2023 ini telah mengumpulkan sebanyak 40 orang usahawan pelajar merentasi semua fakulti.

Buku Ikon usahawan pelajar ini telah didaftarkan di bawah e-ISBN seperti berikut:




e ISBN 978-629-98379-2-3

9 786299 837923

## PROGRAM ENTREPRENEUR TIPTALKS

**30 OKTOBER 2023**

Merupakan program signature CEED-UMKEI. Kali ini CEED-UMKEI program Entrepreneurs tiptalks membawakan usahawan wibawa dari Klinik Primer Cherang dengan Tajuk Evolusi Klinik Primer Cherang Membbina Jenama". Program ini juga merupakan kolaborasi bersama Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK).






## PROGRAM PEMBANGUNAN BELIA TANI DI KALANGAN SISWAZAH (PROBEST) @ UMK



# PROGRAM CORPORATE DIRECTORS TRAINING PROGRAM TRAILBLAZER CUP 2023

**21-23 NOVEMBER 2023**

CEED-UMKEI dengan anjuran SSM, BSN dan IVL telah menganjurkan program CDTP-TC 2023 yang membawakan trainer dan modul pengisian menarik bagi menyokong keperluan ekosistem startup usahawan pelajar. Program ini telah berlangsung pada 21-23 November di Hotel Crown Garden, Kota Bharu.

Seramai 40 orang pengarah-pengarah syarikat siswa universiti (SSU) UMK yang mempunyai potensi perniagaan menarik, kreatif dan inovatif telah diberikan modul latihan keusahawanan yang komprehensif menerusi perkongsian daripada pensyarah serta usahawan/pengasas perniagaan yang berwibawa.

Lebih menarik program ini turut membawakan business pitching competition bagi merebut TRAILBLAZER CUP 2023
dan seramai 13 orang pemenang telah membawa pulang hadiah kemenangan dengan jumlah keseluruhan RM5,000.00.










## PERBINCANGAN BERHUBUNG TRAINING OF TRAINER (TOT) BERSAMA  PENYELARAS KEUSAHAWANAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI ZON PERAK

**27 JUN 2023**

Perbincangan ini merupakan langkah pertama IVL dalam mempromosikan lagi modul yang ditawarkan oleh IVL iaitu Design Thinking. Training of Trainer (TOT) ini akan memfokuskan bagi melahirkan Design Thinking Trainer yang diiktirafkan oleh UMK.

Pelaksanaan TOT Traning bersama pensyarah Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Perak ini selaras dalam menyokong KPI 3 (Kolej Komuniti) iaitu Meningkatkan Bilangan Pendidik Dengan Kepakaran Keusahawanan. Dalam takrifan KPI tersebut menyatakan tenaga pengajar tersebut perlu mendapat pengiktirafan/persijilan professional keusahawanan/perniagaan daripada institusi bertauliah nasional atau telah menjalani latihan keusahawanan yang dianjurkan oleh Pusat Keusahawanan IPTA.



## PERASMIAN INKUBATOR KEUSAHAWANAN (IGNITE VENTURE LAB) SEMPENA LAWATAN KERJA YB MENTERI PENDIDIKAN TINGGI 26 JULAI 2023





## BRIEFING REGARDING THE CONTINUITY OF THE LAUNCH YOUR APPS MODULE

**9 Ogos 2023**

Wireframe atau prototaip reka bentuk yang telah dihasilkan oleh peserta Digital Startup Bootcamp yang akan dibincangkan bersama freelancer developers yang mahir dalam bidang pembangunan aplikasi dari Marinduque State University, Filipina

Freelancer developers yang mempunyai pengalaman dalam aspek pembangunan aplikasi, termasuk coding, design, user experience, dan marketing dapat membantu syarikat pemula pelajar untuk mempercepatkan pembangunan aplikasi mereka, meningkatkan kualiti produk dan meningkatkan peluang untuk berjaya dalam pasaran aplikasi yang kompetitif.



Just Rent Remotech Geek MiExplora Feedit!

## SESI TINJAUAN TERHADAP EKOSISTEM PEMULA USAHAWAN MUDA DARI UNIVERSITI DI MALAYSIA OLEH JAPAN EXTERNAL TRADE ORGANIZATION (JETRO)



**17 Ogos 2023**

Sesi tinjauan dari JETRO ini memfokuskan kepada hubungan dinamik antara universiti dan syarikat pemula di Malaysia. Tinjauan diadakan adalah untuk mendapatkan pandangan tentang peranan yang dimainkan oleh universiti dalam menginkubasi syarikat pemula dan inisiatif yang dilakukan oleh universiti khususnya Ignite Venture Lab dalam memupuk pertumbuhan pesat syarikat pemula pelajar.

## LATIHAN BERPUSAT NATIONAL ROBOTICS COMPETITIONS (NRC) KEBANGSAAN PERINGKAT PPD KOTA BHARU TAHUN 2023



**21 Ogos 2023**

*Knowledge transfer* dalam bidang robotik di Kolej Vokasional Pengkalan Chepa bersama Ts. Dr. Azmul Fadhli Bin Kamaruzaman (Digital Makerspace) dan Dr. Azlin Sharina Binti Abdul Latef *(Human Machine – Interaction)* yang merupakan pakar rujukan IVL

## PERBINCANGAN BERHUBUNG DENGAN MOU MYSTARTUP BERSAMA CRADLE FUND

**22 Ogos 2023**




- ✓ **Program**
- ✓ **Planning**
- ✓ **Support Local Community**

## KUNJUNGAN HORMAT CRADLE FUND KE IGNITE VENTURE LAB

**19 September 2023**



## CELCOMDIGI SISWAPRENEUR BOOTCAMP 2023

**14 - 15 Oktober 2023**
**Residensi UTMKL**
CelcomDigi Berhad dengan kerjasama Google telah menganjurkan program CelcomDigi Siswapreneur Bootcamp siri keenam bagi tahun 2023. Program ini selaras dengan aspirasi kerajaan untuk melahirkan lebih ramai lagi usahawan dalam kalangan pelajar universiti terutamanya aspek inovasi dan digital yang kompetitif. Program ini dijalankan secara hybrid iaitu bersemuka di Resindesi UTMKL, Kuala Lumpur dan secara online yang melibatkan lebih 250 peserta melalui sesi  Youtube Live.

Penglibatan usahawan pelajar UMK dalam program ini memberi pelajar pendedahan yang mendalam mengenai keusahawanan digital, termasuk strategi pemasaran digital, e-commerce, content creator, online presence dan cara mengukur prestasi perniagaan dalam dunia digital. Salah satu aspek menarik program ini adalah penekanan pendedahan penggunaan AI dalam pelbagai aspek keusahawanan dan perniagaan. Disamping itu, usahawan pelajar telah dapat mempelajari bagaimana menggunakan AI untuk meningkatkan perniagaan mereka, menghasilkan kandungan digital yang lebih releven, dan memahami potensi sebenar yang dimiliki AI dalam dunia perniagaan.






## SESI MENTORING BERSAMA PESERTA PERTANDINGAN INOVASI SEMPENA KONVENSYEN INOVASI & TEKNIKAL NUKLEAR MALAYSIA (NITC)

**21 OKTOBER 2023**

Sesi bimbingan telah diadakan secara atas talian bersama 4 pelajar dari Fakulti Sains Data dan Pengkomputeran yang akan menyertai pertandingan inovasi bersempena Konvensyen Inovasi dan Teknikal Nuklear Malaysia (NITC) 2023 yang telah menghasilkan produk inovasi iaitu Pollution Device: EcoWatch.

Kumpulan dibawah bimbingan Dr. Fakhitah Binti Ridzuan (Pensyarah Kanan, FSDK) telah mengikuti sesi bimbingan yang memfokuskan kepada teknik pitching bagi projek keusahawanan.. Penyertaan pelajar dalam program sebegini dapat menyokong penglibatan pelajar dalam program berasaskan inovasi dan teknologi di IPT.



# UMKNEXUS: DARI KELANTAN KE NEW YORK

**Washington D.C, Amerika Syarikat, 3-8 Julai 2022 |** Tiga (3) usahawan pelajar Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang juga merupakan peserta Projek Pembangunan dan Pengantarabangsaan Syarikat Siswa (UMKNEXUS) telah terpilih untuk mengikuti Program Akademi International Council for Small Business (ICSB), bertempat di Amerika Syarikat. Usahawan pelajar yang terlibat adalah Christie Uyang John, pelajar Tahun Tiga dari Fakulti Industri Asas Tani (FIAT), Siti Ain Saidah biti Roslan, pelajar Tahun Empat, Fakulti Keusahawanan & Perniagaan (FKP) dan Salsabiela binti Ahmad Jamal, Pelajar Tahun Dua dari Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW). Bersempena dengan program ini juga, Pusat Pembangunan dan Pendidikan Keusahawanan (CEED), Institut Keusahawanan UMK (UMKEI) telah mengambil inisiatif mengadakan lawatan dan perbincangan bersama pihak Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE) dan Tuan Haji Norizan bin Sharif iaitu Ketua Pegawai Eksekutif Enescorp yang juga merupakan Entrepreneur in Residence (EIR) UMKNEXUS.








# 13 USAHAWAN PELAJAR UMK BERJAYA PEROLEH GERAN PERNIAGAAN SPACE DARI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (KUSKOP)

**The Grand Renai Hotel Kota Bharu, 15-17 November 2022 |** Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dengan kerjasama Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs (PROTÉGÉ), Institut Keusahawanan Negara Berhad (INSKEN) dan TEKUN Nasional telah menganjurkan program Usahawan Perantis atau Student-Preneur And Biz Apprenticeship (SPACE) yang membawakan barisan coach dan protege beserta modul pengisian menarik bagi meningkatkan kecenderungan mahasiswa dalam bidang keusahawanan yang masih dalam pengajian dan mempunyai perniagaan sendiri.





Pelaksanaan program Usahawan Perantis (SPACE) pada kali ini telah melibatkan penyertaan usahawan pelajar UMK seramai 85 orang peserta merentasi semua fakulti di ketiga-tiga kampus universiti. Kecemerlangan usahawan pelajar UMK terserlah apabila seramai 13 usahawan pelajar telah berjaya menerima dana keusahawanan SPACE, KUSKOP bernilai RM130,000.00.






# USAHAWAN PELAJAR UMK MAHU DOMINASI PERNIAGAAN PEWANGI

Tidak mahu hanya sekadar memperoleh ijazah, Nik Muhammad Hafizul Iqmal bin Nik Mohd Nazir, pelajar UMK dari fakulti Senibina dan ekistik, pemilik kepada Reez Parfum Sdn Bhd syarikat pewangi kenderaan dan badan, berusaha menjual produk berkenaan sebagai pendapatan sampingan sejak Jun 2021. Bertitik tolak dari inspirasi keluarga yang juga terlibat dengan perniagaan, REEZ PARFUM yang merupakan minyak wangi yang bergred PARFUM dan ia merupakan minyak wangi yang terbaik dan berkualiti tinggi serta mempunyai ketahanan yang lebih lama iaitu lebih daripada 24 jam. Dan ia setaraf dengan minyak wangi bertaraf antarabangsa atau jenama terkenal. REEZ PARFUM memiliki peratusan kosentrasi pewangi yang paling tinggi iaitu sebanyak 90%. Ia juga mesra solat dan mesra poket anda. Menjengah tahun 2023, Nik berhasrat untuk terus meneroka variasi produk dan pasaran baharu, Reez Parfum kini telah mempunyai pelbagai variasi produk wangian dan telah mencatatkan jualan tahunan hampir RM200,000.00.












# USAHAWAN PELAJAR UMK MAHU BINA EMPAYAR PERNIAGAAN FESYEN

KOTA BHARU: Wan Nurul Aida Nazwa Binti Wan Ahmad merupakan pelajar tahun akhir Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan menjalankan perniagaan pakaian atau dikenali sebagai Dwans Collection. Dwans Collection yang beroperasi di Taman Kurnia Jaya, Pengkalan Chepa merupakan sebuah butik yang menawarkan pelbagai jenis pakaian rekaan pengasasnya sendiri dan telah bermula pada Januari 2020.

Berkongsi kejayaan dengan Sinar Harian dan Utusan Malaysia, penuntut UMK Kampus Kota ini berkata, minatnya dalam dunia perniagaan berputik ekoran komisen tidak berbaloi ketika menjadi ejen jualan pakaian sebelum ini. Katanya, pekerjaan tanpa bayaran itu menyuntik semangatnya untuk mengusahakan sendiri perniagaan selain mempraktikkan ilmu yang masih dipelajari dalam bidang berkaitan di UMK. Syukur, selepas tempoh dua tahun pandemik Covid-19, saya memiliki syarikat sendiri iaitu Dwans Collection yang menjual pakaian wanita termasuk beg tangan yang mendapat permintaan tinggi. Sehingga kini, anggaran jualan tahunan Dwans Collection adalah sebanyak RM200,000.00 setahun.



## UMK UNGGULI MALAYSIA FRANCHISE AWARD 2021 (MFA)

**PUTRAJAYA, 1 Disember 2021 |** Universiti Malaysia Kelantan (UMK) berjaya memenangi Anugerah Penulisan Artikel Francais Terbaik dan Rancangan Perniagaan Francais Terbaik di Malaysia Franchise Award 2021 (MFA) yang berlangsung di Hotel Marriot, IOI Resort City, Putrajaya. Kejayaan itu dimenangi oleh pasukan UMK yang diwakili Dr. Nurul Ashykin Abd Aziz, En. Mohd Zaki Muhamad Hasan (Pensyarah dan Mentor) dan pelajar Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) UMK, Wan Nur Najihah Sail, Wan Nur Syahirah Husnina Wan Mohamad dan Eiman Hakimi Bin Hazrul Aman bagi kategori Best Franchise Business Plan menerusi syarikat mereka Dynamic IQ manakala Dr. Nurul Ashikin binti Abdul Aziz pula memenangi Kategori Best Franchise Industry Article Writing pada majlis penganugerahan tersebut.




## MALAYSIA SOCIAL INNOVATION ACCELERATOR PROGRAM (MYSIAP)

**6 April 2021 (Sabtu) |** Tiga produk Inovasi usahawan pelajar Fakulti Industri Asas Tani (FIAT) Universiti Malaysia Kelantan (UMK) memenangi geran penyelidikan berjumlah RM120,000.00 pada Pertandingan Malaysia Social Innovation Accelerator Program (MYSIAP), anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), baru-baru ini. Produk tersebut ialah Gummi Cuka Rambutan Perasa Tembikai yang dihasilkan oleh Nur Amira Azmi dan Nurul Hasanah Mohd Zaini dibawah bimbingan Dekan FIAT, Prof. Madya Dr. Seri Intan Mokhtar, produk Massage Bar Added with Watermelon Skin Extract and Mint oleh Nur Dini Dayana Zamzuri, dibawah bimbingan pensyarah FIAT, Ts. Dr. Siti Nuurul Huda.

Turut memenagi geran tersebut ialah produk inovasi Pink Guava Pomace Powder for Bread Making dihasilkan oleh Fazilawati Shaari, dibawah bimbingan pensyarah kanan FIAT, Dr. Khomaizon Abdul Kadir Pahirul Zaman dan Dr. Nurhanan Abdul Rahman. Dengan kejayaan cemerlang itu masing-masing menerima geran penyelidikan RM40,000 dari Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).









# KEUNGGULAN KEUSAHAWANAN DIGITAL

## RWAN SERVICES2U

Diusahakan oleh Wan Hafizul Arif bin Wan Ahmad, pelajar Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan. Perniagaan yang menggunakan platform laman web ini menawarkan perkhidmatan pembersihan kediaman rumah dan penghantaran barang runcit di sekitar Kota Bharu, dan memperolehi jualan sebanyak RM1000 sebulan




## STRIGHT

